



# INFO RINGKAS LAPORAN



**2015**





## Cetusan Idea



*“Salah satu projek yang amat dekat di hati saya ialah projek Indeks Syariah. Saya selalu sebut tentang Maqasid Syariah menjaga agama, nyawa, harta, akal dan keturunan. Ini prinsip tonggak dalam Islam. Apabila ada Indeks Syariah ini, kita boleh buat pengukuran dan Malaysia boleh buat perbandingan dengan negara-negara lain”.*

**Ucapan:**

**YAB Dato' Sri Mohd Najib Bin Tun Hj. Abdul Razak  
sempena Majlis Perdana Ulama' Umara' 2014 dan Anugerah Masjid Malaysia  
pada 28 Ogos 2014  
di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya**



## 1. Maksud Indeks Syariah Malaysia

Indeks Syariah Malaysia adalah satu kaedah pengukuran saintifik bagi menentu ukur kedudukan Kerajaan dalam menjalankan pentadbiran negara berdasarkan prinsip Maqasid Syariah. Ia juga untuk menilai keseriusan usaha Kerajaan dalam melaksanakan dasar dan program agar menepati piawaian Islam, serta mengenal pasti ruang-ruang pembaikan yang perlu diberi fokus oleh Kerajaan, agar rakyat dapat menerima lebih banyak manfaat, hasil dari penerapan nilai-nilai sejagat dalam Islam.

## 2. Asas Pengukuran Indeks Syariah Malaysia





Lima (5) perkara asas ini menjadi keperluan fundamental kepada pengukuhan sistem politik, ekonomi dan sosial negara di samping pemantapan pengurusan masyarakat majmuk secara menyeluruh ialah:

#### **Menjaga Agama**

Menjaga daripada berlaku fitnah terhadap agama, kesesatan dan mengikut hawa nafsu serta perkara-perkara yang merosakkan akidah.

#### **Menjaga Nyawa**

Memelihara hak kehidupan yang mulia, menjaga keselamatan nyawa, anggota dan kehormatan diri.

#### **Menjaga Akal**

Memelihara akal manusia daripada kerosakan kerana akal yang rosak adalah punca bebanan dan kejahanatan manusia.

#### **Menjaga Keturunan**

Memelihara zuriat supaya dilahirkan, dibesar dan dididik secara mulia dan terhormat.

#### **Menjaga Harta**

Memperolehi dan memelihara harta benda dengan cara yang halal dan memberi faedah kepada semua tanpa kezaliman dan penganiayaan.



### 3. 8 Bidang Utama Pengukuran



PERUNDANGAN  
ISLAM



KESIHATAN



POLITIK



BUDAYA



EKONOMI



PRASARANA  
&  
PERSEKITARAN



PENDIDIKAN



SOSIAL



## 4. 3 Kategori Responden

1

### PEMERINTAH (pembuat dasar)

Pengukuran dilakukan dengan melihat sejauh mana undang-undang, dasar dan polisi yang dirangka serta program-program dan aktiviti-aktiviti yang diatur mematuhi dan bertepatan dengan syariah Islam serta memenuhi kemaslahatan yang menepati lima prinsip Maqasid Syariah, dengan menyediakan keperluan asas yang mencukupi dalam segala aspek kehidupan demi kepentingan rakyat yang terdiri daripada pelbagai kaum, etnik dan kepercayaan.

2

### AGENSI (pelaksana dasar)

Pengukuran dilakukan dengan melihat sejauh mana undang-undang, dasar-dasar dan polisi-polisi yang dirangka serta program-program dan aktiviti-aktiviti yang diatur, mampu direalisasikan dan dilaksanakan dengan jayanya berdasarkan kepentingan lima (5) prinsip Maqasid Syariah, di samping melihat tahap keserasian dan kesesuaian terhadap sesuatu dasar, polisi, program dan aktiviti yang diadakan mampu memberi impak terhadap keperluan masyarakat.



### 3

### MASYARAKAT (penerima manfaat)

Pengukuran dilakukan dengan membuat penilaian dan persepsi masyarakat terhadap undang-undang, dasar-dasar dan polisi-polisi yang dilaksanakan serta program-program dan aktiviti-aktiviti yang dijalankan, mampu menjamin kesejahteraan hidup, keharmonian dan ketenteraman dalam kehidupan sama ada secara individu maupun kolektif berdasarkan kepentingan lima (5) prinsip Maqasid Syariah.

Pengukuran terhadap ketiga-tiga kelompok utama melalui Indeks Syariah dijangka akan mampu memberi gambaran dan kedudukan Malaysia iaitu, sejauh mana tahap pematuhan negara terhadap pelaksanaan Maqasid Syariah, di samping membuka peluang dan ruang kepada penambahbaikan bagi ketiga-tiga kelompok utama berkenaan yang terdiri daripada pemerintah, agensi pelaksana dan rakyat. Ia dijadikan rujukan dan panduan kepada pihak yang berwajib bagi melakarkan hala tuju terbaik buat negara melalui pendekatan wasatiyyah agar sentiasa berada di atas landasan Syariah Islam.

Menerusi inisiatif mewujudkan pengukuran Indeks Syariah, tahap pematuhan terhadap pelaksanaan Syariah di Malaysia dapat diukur buat pertama kalinya agar dijadikan panduan dan titik permulaan bahawa Malaysia berada di atas landasan yang tepat, di samping terus meningkatkan tahap penerapan dan pelaksanaan Syariah Islam bagi mencapai matlamat sebenar Maqasid Syariah.



## 5. Kumpulan Penyelidik Indeks Syariah 2015

<b>BIDANG PENDIDIKAN</b> Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)	
<b>BIDANG PERUNDANGAN ISLAM</b> Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)	
<b>BIDANG EKONOMI</b> Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)	
<b>BIDANG KESIHATAN</b> Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)	
<b>BIDANG POLITIK</b> Universiti Utara Malaysia (UUM)	
<b>BIDANG PRASARANA DAN PERSEKITARAN</b> Universiti Teknologi Malaysia (UTM)	
<b>BIDANG SOSIAL</b> Universiti Teknologi Malaysia (UTM)	
<b>BIDANG BUDAYA</b> Universiti Teknologi Malaysia (UTM)	



## 6. Peta Penyelidikan



0

**Februari 2015**  
Pelancaran Indeks Syariah Malaysia oleh YAB Perdana Menteri



1

**Julai 2015**  
Penyelidikan Indeks Syariah Malaysia bermula



2

**Januari 2016**  
Pembentangan Laporan Indeks Syariah Malaysia



3

**Mac 2016**  
Pengumuman Penyelidikan Indeks Syariah Malaysia oleh YAB Perdana Menteri

## 7. Jumlah Penyelidik

**133**

ORANG PENYELIDIK

23  
PROFESOR

31  
PROFESOR MADYA

47  
PHD


32  
PEMBANTU PENYELIDIK

5 BUAH UNIVERSITI AWAM





## 8. Tempoh Penyelidikan




## 9. Jumlah Responden Penyelidikan

**7,587 ORANG**


PEMBUAT DASAR



PELAKSANA DASAR



MASYARAKAT





## 10. Pemberat Bagi Indeks Syariah Malaysia 2015

Berdasarkan perbincangan dengan ahli-ahli pakar Indeks dan Maqasid Syariah, Pemberat bagi Skor Indeks Syariah Malaysia 2015 ditetapkan mengikut responden dan bidang utama penyelidikan berdasarkan justifikasi Maqasid Syariah dan kepentingannya dalam pentadbiran sesebuah negara. Pemberat bagi kedua-dua sub indeks adalah seperti berikut:

BIL.	SUBINDEKS	PEMBERAT
A	Pembuat Dasar	3
B	Pelaksana Dasar	2
C	Masyarakat	1

BIL.	SUBINDEKS	PEMBERAT
A	Pendidikan	3
B	Ekonomi	2
C	Politik	2
D	Kesihatan	2
E	Perundungan Islam	2
F	Prasarana dan Persekutaran	1
G	Budaya	1
H	Sosial	1

Data-data yang dikumpul dan diproses oleh setiap kumpulan telah diteliti dan dinilai oleh tiga (3) orang ahli Panel Indeks dan dua (2) orang Panel Maqasid Syariah yang dilantik oleh Jawatankuasa Tadbir Urus Indeks Syariah Malaysia.



## 11. Dapatan Penyelidikan Indeks Syariah 2015

**TOTAL SKOR INDEKS**

**INDEKS SYARIAH MALAYSIA 2015**



**75.42 %**



## 12. Skor Indeks Setiap Bidang

### SKOR INDEKS PERUNDANGAN ISLAM



**87.19 %**



**PEMBUAT DASAR**

**95.20 %**

**PELAKSANA DASAR**

**78.66 %**

**MASYARAKAT**

**80.19 %**

### SKOR INDEKS POLITIK



**79.19 %**



**PEMBUAT DASAR**

**77.17 %**

**PELAKSANA DASAR**

**81.58 %**

**MASYARAKAT**

**80.43 %**



## SKOR INDEKS EKONOMI



**65.27 %**



**PEMBUAT DASAR**

**76.25 %**

**PELAKSANA DASAR**

**53.43 %**

**MASYARAKAT**

**55.98 %**

## SKOR INDEKS PENDIDIKAN



**82.49 %**



**PEMBUAT DASAR**

**85.05 %**

**PELAKSANA DASAR**

**81.45 %**

**MASYARAKAT**

**76.90 %**



## SKOR INDEKS KESIHATAN



**73.92 %**



**PEMBUAT DASAR**

**81.32 %**

**PELAKSANA DASAR**

**68.98 %**

**MASYARAKAT**

**61.64 %**

## SKOR INDEKS BUDAYA



**66.47 %**



**PEMBUAT DASAR**

**69.86 %**

**PELAKSANA DASAR**

**66.29 %**

**MASYARAKAT**

**56.65 %**



## SKOR INDEKS PRASARANA & PERSEKITARAN



**62.31 %**



**PEMBUAT DASAR**

**65.22 %**

**PELAKSANA DASAR**

**61.35 %**

**MASYARAKAT**

**55.52 %**

## SKOR INDEKS SOSIAL



**68.52 %**



**PEMBUAT DASAR**

**75.51 %**

**PELAKSANA DASAR**


**65.20 %**


**MASYARAKAT**

**54.19 %**



**JAWATANKUASA TADBIR URUS  
INDEKS SYARIAH MALAYSIA**







## JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

Aras 5, Blok D7, Kompleks D,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
62519 Putrajaya.

### No. Telefon:

03-8886 4240      03-8886 4806  
03-8881 1826      03-8881 1231

### No. Faksimili:

03-8881 1799

[www.islam.gov.my](http://www.islam.gov.my)